

## Asimilasi Bahasa dan Budaya Dalam Kalangan Masyarakat Siam di Kelantan

Noriza Ibrahim<sup>1</sup>, Maisurah Ahmat<sup>1</sup>, dan Munirah Zulkifli<sup>2</sup>

<sup>1</sup>Kolej Poly-Tech MARA

<sup>2</sup>Universiti Tunku Abdul Rahman

noriza@gapps.kptm.edu.my, maisurah@gapps.kptm.edu.my, munirah@utar.edu.my

### Abstrak

Komuniti Siam merupakan masyarakat minoriti yang tinggal di salah satu negeri di Malaysia iaitu Kelantan. Taraf kewarganegaraan mereka ialah bumiputera di Malaysia. Masyarakat Siam menunjukkan tahap asimilasi yang tinggi terhadap bahasa dan budaya Melayu khususnya di kawasan luar bandar di Kelantan. Asimilasi bahasa dan budaya telah sebatu dan berakar umbi sejak zaman nenek moyang lagi dan menjadikan mereka seolah bersaudara dengan masyarakat tempatan. Justeru itu, mereka bukan sahaja fasih menggunakan dialek Kelantan, malahan dari segi masakan dan cara hidup tidak jauh berbeza dengan orang Melayu. Hal ini sukar untuk membezakan sama ada mereka adalah orang Melayu atau pun orang Siam. Kejayaan proses asimilasi ini berlaku apabila kumpulan minoriti menerima dan mengadaptasi unsur budaya masyarakat majoriti. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti kesan asimilasi masyarakat Siam dari aspek bahasa serta untuk menghuraikan pengaruh asimilasi budaya Melayu dalam kalangan masyarakat Siam. Kaedah kajian yang digunakan dalam kajian ini ialah kaedah kualitatif iaitu soalan soal selidik kepada responden dalam kalangan masyarakat Siam di Kelantan dan kajian kepustakaan. Asimilasi bahasa dan budaya dalam kalangan masyarakat Siam di Kelantan wajar diberi perhatian khusus untuk memahami kesan asimilasi dari aspek bahasa dan pengaruh budaya yang menjadi satu keunikan bagi sebahagian masyarakat minoriti yang ada di Malaysia. Hasil kajian ini menunjukkan asimilasi bahasa dan budaya Melayu berlaku dalam kalangan masyarakat Siam di Kelantan. Kesannya, masyarakat Siam mampu menyesuaikan diri dengan penggunaan bahasa Melayu dalam kehidupan seharian dan pengaruh budaya Melayu juga sangat ketara dalam kalangan Masyarakat Melayu Siam.

**Kata kunci:** Masyarakat Melayu Kelantan, Masyarakat Siam, Asimilasi, Bahasa, Budaya

### ABSTRACT

The Siamese community is a minority group residing in one of the states of Malaysia, namely Kelantan. Their citizenship status is recognized as *bumiputera* in Malaysia. The Siamese community demonstrates a high level of assimilation into the Malay language and culture, particularly in rural areas of Kelantan. Language and cultural assimilation have become deeply rooted and ingrained since the time of their ancestors, making them appear like kin to the local community. As a result, they are not only fluent in the Kelantanese dialect, but their cooking and way of life are also not significantly different from the Malays. This makes it difficult to distinguish whether they are Malay or Siamese. The success of this assimilation process occurs when the minority group accepts and adapts elements of the majority culture. Therefore, this study aims to identify the effects of assimilation on the Siamese community in terms of language and to elaborate on the influence of Malay cultural assimilation within the Siamese community. The research method used is qualitative, involving questionnaire surveys with respondents from the Siamese community in Kelantan and literature review. The language and cultural assimilation among the Siamese in Kelantan deserve special attention to understand its effects on language and the cultural influence that forms a unique identity among some minority communities in Malaysia. The results of this study show that the assimilation of Malay language and culture has occurred among the Siamese community in Kelantan. As

a result, the Siamese community is able to adapt to the use of Malay language in daily life and the influence of Malay culture is also very noticeable among the Siamese Malay community.

**Keywords:** Kelantanese Malay Community, Siamese Community, Assimilation, Language, Culture

## PENGENALAN

Masyarakat Siam di Malaysia merupakan masyarakat minoriti dan kebanyakannya tertumpu berada di negeri Kelantan, Kedah, Perak dan sebahagian kecilnya di Terengganu. Kajian ini memfokuskan masyarakat Siam di negeri Kelantan sahaja. Justeru itu, asimilasi bahasa dan budaya telah sehati dan berakar umbi sejak zaman nenek moyang lagi dan menjadikan mereka seolah bersaudara dengan masyarakat tempatan. Masyarakat Siam di negeri Kelantan bukan sahaja fasih menggunakan dialek Kelantan, malah masakan dan cara hidup mereka juga tidak jauh beza dengan orang Melayu (Pim Chau Dam, 2023). Menurut Pim (2023), terdapat kira-kira 22,000 penduduk Siam di seluruh Kelantan dengan jumlah tertinggi di Tumpat iaitu 12,000 orang dan mereka tidak pernah berdepan masalah untuk mengamalkan kepercayaan agama masing-masing.

Orang Siam di Kelantan dipercayai berasal daripada Selatan Thai dan berpindah dari Thailand ke Kelantan sejak 600 tahun dahulu. Proses asimilasi, akulturasi dan adaptasi antara masyarakat Melayu dan Siam ini jelaskan hubungan antara kedua-dua komuniti ini terjalin baik. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti kesan asimilasi masyarakat Siam dari aspek bahasa serta untuk menghuraikan pengaruh asimilasi budaya Melayu dalam kalangan masyarakat Siam. Asimilasi merupakan satu proses sosial yang melibatkan penyesuaian dan penerimaan budaya, adat resam, serta cara hidup oleh sesuatu kumpulan etnik minoriti terhadap kumpulan majoriti dalam sesebuah masyarakat.

Menurut Suziana Razali dan Nur Azuki Yusuff (2017), pengaruh budaya Siam dapat dilihat melalui pertunjukan seni hiburan iaitu Menora. Menora merupakan teater tradisional Siam yang dikenali sebagai drama tarian. Tarian dan nyanyian Menora merupakan budaya Siam, manakala drama dan dialog adalah budaya Melayu yang turut mempunyai persamaan yang rapat dengan kesenian Makyung di Malaysia. Nur Azuki Yusuff (2017) secara khusus menceritakan tentang sosiobudaya, kependudukan dan sejarah, dialek seharian masyarakat Siam. Faidzal Bin Yaakob et al. (2023) telah mengkaji mengenai Kesepaduan dalam Kepelbagaian: Integrasi dan Perpaduan antara Etnik Melayu dan Siam di Kelantan. Berdasarkan kajiannya, wujud suasana harmoni dan kesepaduan sosial antara etnik Siam dan Melayu. Walaupun terdapat perbezaan dari aspek ras keturunan, agama, bahasa dan budaya, itu bukanlah penghalang kepada interaksi sosial dalam keadaan tanpa konflik hingga membentuk kesepaduan sosial dalam proses integrasi dan perpaduan antara etnik. Selain itu, keupayaan etnik Siam mengasimilasi diri mereka ke dalam budaya, adat resam, nilai dan kehidupan etnik Melayu yang majoriti adalah sesuatu yang sangat menarik untuk diketahui.

Hasnah Hussin (2024) dalam kajiannya bertajuk Komuniti Siam Tidak Terpinggir: Asimilasi Komuniti Siam di Tumpat, Kelantan menyatakan Asimilasi kaum antara orang Melayu dan orang Siam di Tumpat sudah lama berlaku. Asimilasi orang Siam dengan budaya Melayu dapat dilihat dari segi pemakaian dan pemakanan serta aktiviti seharian yang mereka lakukan bersama. Contohnya seperti dari aspek aktiviti ekonomi, masyarakat di sini mengamalkan ekonomi pertanian sara diri seperti penanaman sayur-sayuran sama ada Melayu atau Siam. Aktiviti ini dilakukan dalam kawasan yang sama dan tidak wujud pembahagian kawasan pertanian mengikut kaum. Sebagai masyarakat minoriti di Tumpat, orang Siam tidak pernah merasa terpinggir atau terasing dalam menjalani kehidupan dengan komuniti Melayu kerana perpaduan yang utuh telah

terbina sejak zaman nenek moyang mereka lagi. Masyarakat Siam di sini bukan sahaja fasih menggunakan dialek Kelantan, malahan pakaian, gaya hidup dan pemakanan adalah tidak jauh beza dengan orang Melayu.

## **METODOLOGI**

Metodologi kajian adalah pendekatan dan teknik yang digunakan dalam merancang, mengumpulkan, dan menganalisis data agar dapat menghasilkan bukti yang mendukung kajian tersebut. Metodologi menjelaskan cara menghadapi permasalahan yang sedang diteliti dan alasan mengapa kaedah dan teknik tertentu dipilih. Tujuan dari metodologi adalah untuk membantu memahami secara lebih mendalam dan terperinci tentang bagaimana kaedah diterapkan melalui penjelasan tentang proses kajian.

Kaedah kajian yang digunakan dalam kajian ini ialah kaedah kualitatif iaitu soalan soal selidik kepada 30 responden dalam kalangan masyarakat Siam di Kelantan. Kajian dijalankan di atas talian menggunakan *Google Form*. Pautan ini dikongsi kepada wakil komuniti masyarakat Siam di Tumpat, Kelantan. Soal selidik digunakan untuk mengumpul data berkaitan latar belakang responden, kekerapan dan contoh penggunaan bahasa Siam serta budaya yang diamalkan oleh mereka. Kaedah persampelan yang digunakan di dalam kajian ini adalah persampelan bukan kebarangkalian (*non-probability sampling*). Persampelan bukan kebarangkalian adalah berdasarkan penilaian subjektif yang memudahkan responden dipilih daripada unit populasi (Ayhan, 2011). Bagi penyelidikan data-data yang diperolehi akan dianalisis dengan menggunakan kaedah statistik jenis peratusan.

Soal selidik yang disediakan dalam kajian ini terbahagi kepada 3 bahagian, iaitu Bahagian A, Bahagian B dan Bahagian C dan dibina sendiri oleh pengkaji. Bahagian A merupakan soalan-soalan yang dibuat untuk mendapatkan butiran diri responden kajian serta latar belakang mereka. Bahagian ini juga mengandungi angkubah-angkubah demografi atau biodata responden seperti umur, jantina, etnik dan lain-lain lagi. Bahagian B menerangkan tentang latar belakang penggunaan bahasa masyarakat Siam, tahap penggunaan bahasa Melayu dalam konteks sosial dan pengaruh bahasa Melayu ke atas bahasa Siam. Bahagian C bertujuan untuk mengetahui tentang asimilasi budaya dalam kalangan masyarakat Siam. Soalan yang dikemukakan adalah berkaitan budaya merangkumi aspek makanan, permainan dan kesenian.

## **DAPATAN KAJIAN**

### **Demografi Responden**

Kajian ini memfokuskan kepada 30 orang responden dalam kalangan masyarakat Siam di Kelantan. Analisis profil responden berdasarkan status jantina, umur, latar belakang pendidikan, agama, sejarah penempatan dan juga status kewarganegaraan bumiputera atau bukan bumiputera. Dapatan kajian mendapati majoriti yang memberi maklum balas terdiri daripada responden perempuan 86.7% manakala lelaki 13.3%. Dari segi umur pula, 60% responden berusia dalam lingkungan 40-50 tahun, diikuti dengan lingkungan usia 20-30 tahun 26.7%. Warga emas dan golongan muda mencatat sebanyak 6.7%. Berkaitan dengan latar belakang pendidikan pula, kajian mendapati sebahagian besar responden 86.7% mendapat pendidikan di sekolah kebangsaan, selebihnya 13.3% mendapat pendidikan di sekolah jenis kebangsaan. Bagi agama pula majoriti responden 100% menganuti agama Buddha.

Dari sudut sejarah penempatan, data mendapati 60% responden telah menetap di Kelantan dalam tempoh 20-40 tahun, diikuti 20% masyarakat Siam telah tinggal selama 40-50 tahun. Selebihnya 13.3% terdiri daripada masyarakat Siam yang menetap 50 tahun ke atas dan 10-20

tahun ke atas. Kesimpulannya berdasarkan data yang dikaji, majoriti masyarakat Siam yang menjadi responden ini telah berakar umbi sekian lama tinggal di negeri Kelantan sekaligus membolehkan mereka berasimilasi secara perlahan-lahan bukan sahaja dari sudut bahasa tapi juga budaya masyarakat disekitarnya. Masyarakat Siam di Kelantan majoritinya berstatus Bumiputera.

**Jadual 1** Data Demografi Responden

<b>Item</b>	<b>Bilangan (%)</b>
<b>Jantina</b>	
Lelaki	13.3
Perempuan	86.7
<b>Umur</b>	
10-20 tahun	6.7
20-30 tahun	26.7
40-50 tahun	60
60-70 tahun	6.7
<b>Pendidikan</b>	
Sekolah Kebangsaan	86.7
Sekolah Jenis Kebangsaan	13.3
<b>Agama</b>	
Buddha	100
<b>Sejarah penempatan masyarakat Siam di Kelantan (Bilangan Tahun)</b>	
10-20 tahun	13.3
20- 40 tahun	60
40-50 tahun	20
50 tahun ke atas	13.3

### **Latar Belakang Penggunaan Bahasa Masyarakat Siam**

Jadual 2 di bawah menunjukkan semua responden 100% menggunakan bahasa Siam sebagai bahasa utama di rumah. Ini menunjukkan bahawa bahasa ibunda masih lagi utuh dan kekal digunakan dalam kehidupan harian terutama sebagai medium komunikasi dalam kalangan keluarga. Bagi penggunaan bahasa Melayu, bahasa Inggeris dan lain-lain, bahasa ini tidak digunakan secara langsung. Hal ini membuktikan tahap pengekalan bahasa ibunda mereka yang tinggi dalam komuniti ini.

Kekerapan bahasa yang digunakan dalam kehidupan seharian, 73.3% responden masih menggunakan Bahasa Siam sebagai bahasa utama, manakala 26.7% mereka menggunakan Bahasa Melayu. Hal Ini menunjukkan berlakunya asimilasi bahasa, iaitu masyarakat Siam mula menyesuaikan diri dengan penggunaan bahasa Melayu dalam urusan luar rumah seperti di tempat kerja, sekolah, atau ketika berinteraksi dengan masyarakat bukan Siam. keadaan ini juga menggambarkan penggunaan bahasa Melayu khususnya dialek Kelantan adalah medium utama dalam menyatukan mereka. Walau bagaimanapun, bahasa Siam masih kekal sebagai bahasa ibunda dalam majoriti situasi harian.

Data bagi penggunaan bahasa yang dipelajari semasa kecil pula, sebanyak 86.7% daripada responden menyatakan bahawa bahasa Siam ialah bahasa pertama yang mereka pelajari semasa kecil. Kebiasaanya Wat merupakan pusat pendidikan untuk mereka mempelajari dan menguasai bahasa ibunda sendiri. Manakala 13.3% pula belajar bahasa Melayu terlebih dahulu. Hal ini memperlihatkan bahawa warisan bahasa Siam masih ditekankan sebagai bahasa yang melambangkan identiti mereka kepada generasi muda walaupun terdapat sebahagian kecil yang mula terdedah kepada Bahasa Melayu sejak awal, kemungkinan besar disebabkan faktor ekonomi, pendidikan atau perkahwinan campur. Kajian ini meninjau penggunaan bahasa dalam kalangan masyarakat Siam di Kelantan, khususnya bahasa yang digunakan di rumah, dalam kehidupan harian, serta bahasa pertama yang dipelajari sejak kecil.

**Jadual 2** Latar Belakang Penggunaan Bahasa Masyarakat Siam

Penggunaan bahasa	Bahasa Siam (%)	Bahasa Melayu (%)	Bahasa Inggeris (%)	Lain-Lain (%)
Bahasa yang digunakan di rumah	100	-	-	-
Bahasa yang kerap digunakan dalam kehidupan harian	73.3	26.7	-	-
Apakah bahasa pertama yang anda pelajari semasa kecil	86.7	13.3	-	-

Kajian ini turut mendapatkan data berkaitan tahap penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan masyarakat Siam di Kelantan. Berdasarkan Jadual 3 di bawah, hampir 60% masyarakat Siam mampu menguasai bahasa Melayu dengan baik, manakala 26.7% memahami bahasa Melayu pada tahap baik dan selebihnya pada tahap sederhana. Hasil daripada dapatan ini pengkaji boleh merumuskan bahawa masyarakat Siam memahami bahasa Melayu pada tahap yang baik menandakan proses asimilasi bahasa itu berlaku dengan menggambarkan masyarakat Siam mampu menyesuaikan diri dengan penggunaan bahasa Melayu dalam kehidupan seharian.

**Jadual 3** Penguasaan Bahasa Melayu

Kriteria	Sangat baik (%)	Baik (%)	Sederhana (%)	Lemah (%)
Pemahaman bahasa Melayu	60	26.7	13.3	-

### Penggunaan Bahasa dalam Konteks Sosial

Dapatan yang diperoleh daripada Jadual 4 di bawah, melalui bahasa yang digunakan apabila bercakap dengan jiran yang bukan berketurunan Siam, majoriti responden (86.7%) menggunakan bahasa Melayu apabila berkomunikasi khususnya dialek Kelantan. Penggunaan bahasa ini merupakan medium penyatuan antara masyarakat Siam dengan masyarakat setempat. Bahasa Siam digunakan hanya (13.3%). Berkemungkinan ada sebahagian masyarakat lain boleh memahami dan bertutur dalam bahasa Siam seperti Cina Peranakan dan juga masyarakat Melayu itu sendiri.

Dalam konteks majlis rasmi seperti kenduri, mesyuarat kampung atau upacara keagamaan, penggunaan bahasa Siam paling dominan (60%) digunakan. Selain daripada itu, penggunaan dwibahasa turut dijadikan medium komunikasi iaitu gabungan bahasa Siam dan bahasa Melayu (33.3%). Hal ini mencerminkan masyarakat Siam boleh menyesuaikan keadaan tanpa menghilangkan identiti bahasanya yang tersendiri. 0.7% kajian mendapati sebahagian

masyarakat siam gemar menggunakan bahasa Melayu sebagai medium komunikasi dalam apa jua majlis. Situasi ini menunjukkan tahap asimilasi bahasa berjaya diadaptasi dalam kehidupan mereka dari sudut penggunaan bahasa.

**Jadual 4** Penggunaan Bahasa

Penggunaan bahasa	Bahasa Melayu (%)	Bahasa Siam (%)	Bahasa Inggeris (%)	Bahasa Siam & Bahasa Melayu (%)	Lain-lain (%)
Bahasa yang digunakan apabila bercakap dengan jiran yang bukan berketurunan Siam	86.7	13.3	-	-	-
Bahasa yang digunakan dalam majlis rasmi seperti kenduri, mesyuarat kampung atau upacara keagamaan	0.7	60	-	33.3	-
Jika berada di tempat awam (contoh : pasar, klinik, pejabat kerajaan), bahasa yang digunakan	100	-	-	-	-

Penggunaan bahasa yang digunakan di tempat awam, melalui dapatan secara keseluruhannya masyarakat Siam menggunakan bahasa Melayu sepenuhnya. Keadaan ini menunjukkan bahasa Melayu loghat kelantan atau dialek kelantan merupakan bahasa *lingua franca* dalam menyatukan mereka. Kesimpulannya, data ini menunjukkan bahawa masyarakat Siam di Kelantan mempunyai tahap penguasaan dan penyesuaian bahasa Melayu yang tinggi, terutamanya dalam situasi sosial yang melibatkan masyarakat Melayu.

### Pengaruh Bahasa Melayu ke atas Bahasa Siam

Analisis dapatan kajian berdasarkan pengaruh bahasa Melayu ke atas bahasa Siam, dapat disimpulkan bahawa penggunaan bahasa Melayu dalam kalangan masyarakat Siam sangat dominan. Jadual 5 di bawah menunjukkan 86.7 % masyarakat Siam mencampuradukkan bahasa Siam dan Melayu apabila bertutur. Di samping itu, perkataan bahasa Melayu turut digunakan dalam pertuturan harian masyarakat Siam berdasarkan maklum balas responden 86.7%. Secara hakikatnya dapatan ini mendapati bahasa yang digunakan oleh masyarakat Siam banyak dipengaruhi oleh bahasa Melayu iaitu 86.7%. hal ini menggambarkan berlakunya penyesuaian dan percampuran serta pengaruh antara kedua-dua bahasa dalam kehidupan harian.

**Jadual 5** Pengaruh Bahasa

Pengaruh bahasa	Ya	Tidak
Masyarakat Siam mencampuradukkan bahasa Siam dan Melayu bila bercakap	86.7	13.3
Perkataan bahasa Melayu digunakan dalam pertuturan harian masyarakat Siam	86.7	13.3
Bahasa yang digunakan oleh masyarakat Siam banyak dipengaruhi oleh bahasa Melayu	86.7	13.3

## Perkataan dan Ayat Bahasa Melayu/ Loghat Kelantan yang Digunakan dalam Pertuturan Harian Masyarakat Siam

Dalam kajian ini, responden diminta untuk menyenaraikan beberapa perkataan atau ayat bahasa Melayu/ loghat Kelantan yang digunakan dalam pertuturan harian mereka bagi membuktikan asimilasi dari sudut bahasa berlaku atau pun tidak.

**Jadual 6** Senarai Beberapa Perkataan dan Ayat Bahasa Melayu/Loghat Kelantan

Bil	Perkataan	Bil	Ayat
1	make	1	make gapo hari ni?
2	kalu	2	Gi kebun doh ko?
3	huje	3	huje nok turun doh?
4	supik	4	gelak gelemek ari ni?

Dapatan yang diperoleh berdasarkan jadual 6 di atas, membuktikan masyarakat Siam banyak menggunakan perkataan dialek Kelantan serta membuktikan tahap asimilasi bahasa itu berlaku. Selain daripada perkataan, masyarakat Siam juga pandai membina struktur ayat atau membina ayat dalam pertuturan harian khususnya untuk tujuan komunikasi. Penggunaan ayat ini memudahkan mereka dalam konteks integrasi dengan masyarakat setempat. Dapat dirumuskan asimilasi bahasa dan budaya mereka berjalan secara serentak dalam proses penyesuaian bersama.

### Pemahaman tentang Asimilasi Budaya

Merujuk kepada jadual 7 di bawah, data menunjukkan sebanyak 86.7% responden mengetahui tentang percampuran budaya yang berlaku antara masyarakat Siam dan masyarakat Melayu di Kelantan. Selebihnya sebanyak 13.3% tidak mengetahui tentang percampuran budaya. Hal ini mungkin disebabkan oleh sesetengah masyarakat Siam mungkin melihat "pengaruh budaya" sebagai sesuatu yang negatif atau merendahkan, sedangkan dalam kajian budaya, pengaruh silang budaya (*cross-cultural influence*) adalah perkara biasa dan berlaku secara semula jadi. Jadi, mereka mungkin menolak idea ini kerana salah faham terhadap maksud sebenar percampuran budaya. Selain itu juga, sebanyak 60% responden bersetuju bahawa kebudayaan mereka banyak dipengaruhi oleh masyarakat Melayu. Namun demikian, sebanyak 40% lagi responden tidak bersetuju bahawa kebudayaan mereka banyak dipengaruhi oleh masyarakat Melayu. Hal ini mungkin disebabkan oleh Mereka berbangga dengan warisan budaya Thailand yang diwarisi sejak zaman Kerajaan Siam lagi. Maka, mengakui bahawa budaya mereka telah terpengaruh oleh budaya Melayu boleh dilihat sebagai mengurangkan "keaslian" budaya tersebut.

**Jadual 7** Pemahaman Tentang Asimilasi Budaya

Pemahaman Asimilasi Budaya	Ya (%)	Tidak (%)
Pengetahuan tentang percampuran budaya	86.7	13.3
Masyarakat Siam dipengaruhi oleh budaya masyarakat Melayu Kelantan	60	40

### Asimilasi dari Sudut Makanan Tradisional Melayu

Berdasarkan jadual 8 di bawah, sebanyak 93.3% responden bersetuju bahawa makanan tradisional Melayu Kelantan sebagai makanan harian mereka. Manakala 6.7% responden pula menyatakan mereka tidak menjadikan makanan tradisional Melayu Kelantan sebagai makanan harian mereka. Hal ini jelas menunjukkan bahawa masyarakat Siam di Kelantan banyak terdedah

dengan persekitaran yang terdiri daripada kaum Melayu. Hal ini memudahkan akses untuk membeli makanan dengan lebih mudah disebabkan lingkungan mereka yang banyak menjual pelbagai jenis makanan tradisional Melayu.

**Jadual 8** Makanan Tradisional Melayu Kelantan sebahagian Makanan Harian Masyarakat Siam

<b>Asimilasi makanan tradisional Melayu</b>	<b>Ya (%)</b>	<b>Tidak (%)</b>
Makanan tradisional Melayu Kelantan sebahagian daripada makanan harian seperti nasi kerabu, nasi dagang, budu, atau kuih-muih	93.3	6.7

Merujuk analisis jadual 9 di bawah, sebanyak 53.3% responden menunjukkan bahawa mereka makan makanan tradisional Melayu setiap hari. Manakala sebanyak 26.7% responden pula makan makanan tradisional Melayu beberapa kali seminggu dan 20% lagi tidak begitu kerap makan makanan Melayu. Hal ini kerana masyarakat Siam hidup berdekatan dengan masyarakat Melayu dan makanan Melayu mudah didapati di merata tempat seperti pasar, kedai makan dan sekolah. Tetapi mereka juga akan memilih makanan mengikut kesesuaian dengan selera mereka. Keadaan ini jelas menunjukkan berlakunya pengaruh asimilasi dalam bentuk yang praktikal, walaupun mereka masih mengekalkan identiti makanan tradisional mereka sendiri.

**Jadual 9** Kekerapan Pengambilan Makanan Tradisional Melayu

<b>Asimilasi makanan tradisional Melayu</b>	<b>Setiap hari (%)</b>	<b>Beberapa kali seminggu (%)</b>	<b>Kadang-kadang (%)</b>	<b>Tidak Pernah (%)</b>
Kekerapan makan makanan tradisional Melayu	53.3	26.7	20	-

Merujuk kepada data dalam jadual 10 di bawah, sebanyak 40% responden menyatakan elemen masakan dalam makanan Melayu sangat banyak mempengaruhi cara penyediaan makanan mereka. Sebanyak 40% responden pula mengakui bahawa masakan Melayu turut mempengaruhi sedikit cara penyediaan makanan Siam. Manakala 20% responden lagi tidak begitu pasti tentang masakan mereka dipengaruhi dengan makanan masyarakat Melayu. Hal ini disebabkan oleh berlakunya percampuran budaya tempatan, adaptasi bahan masakan, dan penyesuaian rasa. Namun, pengaruh ini tidaklah menghapuskan identiti asal masakan Siam, sebaliknya mewujudkan satu bentuk keseragaman budaya makanan yang unik di Kelantan.

**Jadual 10** Makanan Melayu Mempengaruhi Penyediaan Makanan Masyarakat Siam

<b>Asimilasi makanan tradisional Melayu</b>	<b>Ya, sangat banyak (%)</b>	<b>Ya, tetapi sedikit (%)</b>	<b>Tidak pasti (%)</b>	<b>Tidak sama sekali (%)</b>
Makanan Melayu mempengaruhi cara penyediaan makanan Siam dalam keluarga	40	40	20	-



### Asimilasi dari Sudut Permainan Tradisional Melayu Kelantan

Permainan tradisional merupakan warisan budaya masyarakat Melayu yang tidak ternilai harganya. Warisan dahulu yang melambangkan adat, budaya dan identiti satu-satu bangsa.

**Jadual 11** Pengaruh Permainan Tradisional Melayu dalam Masyarakat Siam

<b>Permainan tradisional Melayu</b>	<b>Ya (%)</b>	<b>Tidak (%)</b>
Pernah bermain permainan tradisional Melayu Kelantan	100	-
Permainan tradisional Melayu Kelantan diajar atau dimainkan dalam komuniti Siam	93.3	6.7
Permainan tradisional Melayu Kelantan boleh mengeratkan hubungan antara masyarakat Siam dan Melayu	100	-

Hasil analisis berdasarkan jadual 11 di atas menunjukkan bahawa sebanyak 100% responden mengakui bahawa mereka pernah bermain permainan tradisional Melayu. Hal ini disebabkan oleh masyarakat Siam tinggal berdekatan komuniti Melayu di Kelantan dan mereka bergaul rapat dalam menjalankan aktiviti harian termasuklah riadah. Hubungan ini menyebabkan berlakunya asimilasi budaya yang mendorong mereka turut mengamalkan unsur budaya Melayu, termasuk permainan tradisional seperti congkak, wau, gasing, dan sepak raga.

Sebanyak 93.3% responden menyatakan bahawa mereka diajar dalam komuniti mereka untuk bermain permainan tradisional Melayu manakala 6.7% lagi menyatakan bahawa permainan tradisional Melayu tidak diajar dalam komuniti mereka. Permainan tradisional telah dianggap sebagai satu warisan budaya di Kelantan dan bukan hanya milik sesuatu kaum sahaja. Oleh itu, masyarakat Siam yang telah lama menetap di negeri Kelantan turut melihat permainan tradisional Melayu sebagai sebahagian daripada identiti mereka.

Dari sudut integrasi, sebanyak 100% responden bersetuju bahawa permainan tradisional Melayu Kelantan dapat mengeratkan hubungan antara masyarakat Siam dan Melayu. Keadaan ini jelas membuktikan bahawa permainan bukan sahaja sebagai alat hiburan untuk mengisi masa lapang semata-mata tetapi turut menjadi medium interaksi sosial dan budaya demi merapatkan jurang perbezaan antara dua komuniti. Permainan tradisional yang dimainkan secara berkumpulan memerlukan kerjasama, semangat berpasukan dan toleransi yang tinggi. Apabila masyarakat Siam dan Melayu bermain bersama-sama, mereka sebenarnya belajar menghormati antara satu sama lain dan memahami perbezaan demi memupuk semangat perpaduan.

## Asimilasi Budaya Masyarakat Siam dari Sudut Kesenian

**Jadual 12** Pengaruh Kesenian Melayu Kelantan kepada Masyarakat Siam

Kesenian Melayu Kelantan	Ya (%)	Tidak (%)
Pengetahuan tentang kesenian tradisional Melayu Kelantan	100	-
Berminat terhadap kesenian tradisional Melayu Kelantan seperti dikir barat atau seni ukiran	66.7	33.3
Kesenian Melayu Kelantan memberi pengaruh kepada budaya atau hiburan masyarakat Siam	93.3	6.7
Masyarakat Siam perlu memelihara kedua-dua elemen budaya Siam dan Melayu	100	-

Merujuk kepada jadual 12 di atas, sebanyak 100% responden menyatakan mereka mengetahui tentang kesenian tradisional Melayu Kelantan. Masyarakat Siam sememangnya telah lama menetap di Kelantan sejak ratusan tahun dahulu. Dalam jangka masa yang panjang ini, telah berlaku banyak percampuran budaya antara masyarakat Siam dan Melayu, terutama dalam aspek kesenian seperti mak yong, wayang kulit, dikir barat, silat dan lain-lain lagi.

Tidak dapat dinafikan, masyarakat Siam turut menunjukkan minat terhadap kesenian tradisional Melayu Kelantan. Sebanyak 66.7% responden mengakui minat mereka terhadap kesenian Melayu dan 33.3% lagi kurang berminat terhadap kesenian Melayu Kelantan. Hal ini kerana kesenian Melayu tradisional sangat dekat dengan masyarakat Siam kerana mereka telah didedahkan dengan kesenian ini sejak dari kecil lagi. Malahan kesenian ini turut menjadi sebahagian daripada aktiviti keraian dalam komuniti masyarakat Siam. Namun demikian terdapat segelintir masyarakat yang kurang berminat dengan kesenian tradisional. Ini disebabkan oleh kehidupan moden dan pengaruh globalisasi yang telah menyebabkan ramai generasi muda termasuk masyarakat Siam lebih tertarik kepada hiburan terkini seperti muzik moden, lagu popular, permainan digital dan media sosial berbanding kesenian tradisional yang dianggap agak ketinggalan zaman.

Dari aspek asimilasi budaya, sebanyak 93.3% responden bersetuju bahawa kesenian Melayu Kelantan memberi pengaruh kepada budaya atau hiburan masyarakat Siam dan hanya 6.7% sahaja yang menyatakan bahawa kesenian Melayu tidak mempengaruhi budaya mereka. Masyarakat Siam banyak yang bersifat terbuka dan kesenian Melayu di Kelantan bersifat inklusif, bukannya berasingan berdasarkan kaum. Masyarakat Siam yang berminat menyertai kesenian seperti dikir barat, menari mak yong atau bermain muzik tradisional biasanya sangat dialu-alukan oleh masyarakat Melayu. Hal ini telah membuka ruang kepada mereka untuk mengadaptasikan kesenian tradisional Melayu dalam budaya mereka.

Pemeliharaan budaya sangat penting dalam kehidupan sesebuah masyarakat. Oleh itu, sebanyak 100% responden telah bersetuju bahawa masyarakat Siam perlu memelihara kedua-dua elemen budaya Siam dan Melayu. Ini sangatlah penting kerana bukan sahaja untuk mengekalkan jati diri mereka, tetapi juga untuk memperkukuhkan keharmonian antara masyarakat Siam dan Melayu khususnya. Usaha memelihara elemen budaya Melayu juga menunjukkan penghargaan dan penghormatan masyarakat Siam terhadap budaya negeri mereka sendiri.

## KESIMPULAN

Berdasarkan pengkajian ini, jelaslah menunjukkan asimilasi bahasa dan budaya Melayu berlaku dalam kalangan masyarakat Siam di Kelantan. Kesannya, masyarakat Siam mampu menyesuaikan diri dengan penggunaan bahasa Melayu dalam kehidupan seharian. Selain itu, kesannya penggunaan Bahasa Melayu dalam masyarakat Siam sangat dominan terutamanya dalam penggunaan dialek Melayu Kelantan. Namun, bahasa Siam tetap digunakan dan kekal sebagai bahasa ibunda masyarakat Siam di rumah.

Asimilasi kaum antara orang Melayu dan orang Siam di Tumpat sudah lama berlaku. Asimilasi orang Siam dengan budaya Melayu dapat dilihat dari segi pemakaian dan pemakanan serta aktiviti seharian mereka dilakukan bersama-sama (Hasnah Hussiin , 2024). Oleh itu, melalui pengkajian ini, pengaruh asimilasi budaya Melayu Kelantan seperti makanan, permainan dan kesenian sangat ketara pengaruhnya dalam kalangan Masyarakat Siam. Walau bagaimanapun, masyarakat Siam perlu memelihara kedua-dua elemen budaya Siam dan Melayu.

Cadangan untuk pengkajian ini ialah kajian ini akan diperluaskan lagi dari sudut kajian integrasi, cabaran keaslian masyarakat Siam dalam mengekalkan identiti mereka dalam arus permodenan dan pengaruh asimilasi. Bagi tujuan penambahbaikan kajian, instrumen kaji selidik juga boleh diubah kepada kualitatif untuk mendapat maklum balas yang lebih jitu daripada responden. Kaedah temu bual dalam kalangan masyarakat Siam juga boleh dijalankan untuk memastikan dapatan kajian yang mendalam dan lebih kukuh. Selain itu, Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional juga boleh mewartakan atau mendedahkan kepada masyarakat Malaysia tentang kewujudan masyarakat Siam yang merupakan masyarakat minoriti di Malaysia. Pada masa yang sama, Malaysia seringkali dirujuk sebagai sebuah negara yang mampu menguruskan kepelbagaian etnik dan kerencaman budaya dan pengaruh asimilasi. Hal ini menepati gambaran apabila Malaysia berada di tangga ke-18 daripada 163 buah negara yang menikmati suasana keamanan berdasarkan indeks keamanan global pada tahun 2022 (Global Peace Index, 2022).

## RUJUKAN

- Ayhan, H. Ö. (2011). *Non-probability Sampling Survey Methods BT - International Encyclopedia of Statistical Science* (M. Lovric (ed.); pp. 979–982). Springer Berlin Heidelberg.
- Ahmad Mahdzan Ayob (2015). *Kaedah Penyelidikan Sosioekonomi Edisi Ketiga*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Faidzal bin Yaakob, Marwan Bin Ismail, Malike Bin Brahim (2023). Kesepaduan dalam Kepelbagaian: Integrasi dan Perpaduan antara Etnik Melayu dan Siam di Kelantan. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH) (e-ISSN: 2504-8562) 2023, Volume 8, Issue 7, e002402*.
- Global Peace Index. (2022). *Measuring peace in a complex world*. Sydney: Institute for Economics & Peace.
- Hasnah Hussiin (2024). Komuniti Siam Tidak Terpinggir: Asimilasi Komuniti Siam di Tumpat, Kelantan. *International Journal of the Malay World and Civilisation* 12(3), 2024: 3 – 13.
- Nur Azuki Yusuff (2017). *Masyarakat Siam Kelantan Sejarah, Sosiobudaya & Bahasa*. Kota Bharu: Penerbit Universiti Malaysia Kelantan.
- Nur Azuki Bin Yusuf (2017). Masyarakat Siam Kelantan Sejarah, Sosiobudaya & Bahasa. Dlm. Suziana Razali & Nur Azuki Yusuff. *Perkembangan Aktiviti Sosial dan Ekonomi Masyarakat Siam Kampung Dalam, Tumpat* (hlm. 121-126). Kota Bharu: Penerbit Universiti Malaysia Kelantan.
- \_\_\_\_\_ (10 September, 202). *Minoriti Siam Kelantan tidak rasa terasing, hidup harmoni dalam kemerdekaan* dipetik daripada <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/09/1008363/minoriti-siam-kelantan-tidak-rasa-terasing-hidup-harmoni-dalam-kemerdekaan>.